

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN PADA MAJLIS PENUTUPAN PESTA PEMASYHURAN CANSOLOR BERSEMPENA DENGAN ISTIADAT PEMASYHURAN CANSOLOR DAN MAJLIS KONVOKESYEN KOMEMORATIF KUKUM PADA 17 JULAI 2004 DI PERKARANGAN STADIUM UTAMA KANGAR, PERLIS.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

MENGADAP KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL, TUANKU CANSOLOR DAN DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU HAJJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH, RAJA PUAN MUDA PERLIS.

AMPUN TUANKU, SEMBAH PATIK MOHON DI AMPUN,

TERLEBIH DAHULU PATIK BAGI SELURUH WARGA KUKUM INGIN MERAFAK SEMBAH, MENJUNJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA DI ATAS PERKENAN DULI TUANKU BERDUA MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MAJLIS PENUTUPAN PESTA PEMASYHURAN CANSOLOR BERSEMPENA DENGAN ISTIADAT PEMASYUHRAN CANSOLOR DAN MAJLIS KONVOKESYEN KOMEMORATIF KUKUM.

AMPUN TUANKU,

IZINKAN PATIK MELANGSUNGKAN MAJLIS MENYAMPAIKAN UCAPAN KEPADA BARISAN TETAMU YANG HADIR.

YANG AMAT BERHORMAT, DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI BESAR PERLIS DAN YANG BERBAHAGIA DATIN SERI,

YANG BERBAHAGIA, PROF. DR. ALI YEON MD SHAKAFF, TIMBALAN  
REKTOR KUKUM DAN ISTERI

DATO'-DATO', DATIN-DATIN, DIF-DIF KEHORMAT,

KETUA-KETUA JABATAN NEGERI PERLIS,

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN KUKUM,

WAKIL-WAKIL MEDIA,

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA MULIAKAN,

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBHANAHU WA TAALA DI ATAS  
LIMPAH KURNIA, KASIH DAN SAYANG SERTA IZIN-NYA DAPAT KITA  
BERKUMPUL PADA MALAM YANG BERSAKSIKAN BINTANG DI DADA  
LANGIT MERAIKAN KEMUNCAK ISTIADAT PEMASYHURAN CANSELOR  
IAITU MAJLIS PENUTUPAN RASMI PESTA PEMASYHURAN YANG JULUNG-  
JULUNG KALINYA DIADAKAN DI BUMI BERTUAH, PERLIS INDERA  
KAYANGAN INI.

SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA BARISAN  
TETAMU SERTA DIF-DIF KEHORMAT YANG TELAH SUDI HADIR KE MAJLIS  
PENUTUPAN RASMI PESTA PEMASYHURAN INI TERUTAMANYA KEPADA  
YANG AMAT BERHORMAT, DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI  
BESAR PERLIS DAN YANG BERBAHAGIA DATIN SERI, YANG BERHORMAT,  
DATO' DR. HAJI SHAFIE BIN HAJI MOHD SALLEH, MENTERI PENGAJIAN  
TINGGI MALAYSIA DAN YANG BERBAHAGIA ISTERI.

BERSYUKUR SEKALI LAGI KERANA PERANCANGAN YANG DIATUR BERBULAN LAMA AKHIRNYA TERPAHAT SUDAH MENJADI REALITI. SYABAS DAN TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) DAN WARGA KERJA KUKUM YANG TELAH BERTUNGKUS - LUMUS SIANG DAN MALAM MENYUSUN, MERANCANG DAN MERANGKA KERJA BAGI MEMASTIKAN KELANCARAN PESTA PEMASYHURAN CANSELOR DENGAN TEMA 'SEMAIAN INTEGRASI, TUAIAN GAH GENERASI' INI.

UCAPAN TERIMA KASIH JUGA DIUCAPKAN KEPADA AGENSI-AGENSI KERAJAAN, ANTARA LAIN SEPERTI POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM), BOMBA, JABATAN PERTAHANAN AWAM (JPA), MAJLIS PERBANDARAN KANGAR (MPK), RTM, JABATAN-JABATAN KERAJAAN LAIN YANG TELAH TERLIBAT SECARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG DALAM MEMBANTU MELICINKAN PERJALANAN PESTA PEMASYHURAN INI. SEGALA BANTUAN YANG TELAH DIBERIKAN AMAT KAMI SANJUNGI.

JUTAAN TERIMA KASIH JUGA DIUCAPKAN KEPADA SELURUH RAKYAT JELATA NEGERI PERLIS YANG TELAH MEMBERIKAN SOKONGAN YANG PADU DALAM APA JUA AKTIVITI YANG DIANJURKAN OLEH KUKUM SEJAK DI AWAL PENUBUHANNYA LAGI. TIDAK TERUCAP DEK KATA-KATA BETAPA SAYA AMAT TERHUTANG BUDI DENGAN JASA BAIK TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA. SAYA AMAT BERHARAP SOKONGAN PADU SEBEGINI KEPADA KUKUM AKAN DAPAT DITERUSKAN DI MASA-MASA AKAN DATANG.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA MULIAKAN,  
PESTA PEMASYHURAN CANSELOR INI YANG TELAH BERLANGSUNG SEJAK 15 JULAI LALU, DIADAKAN BAGI MERAIKAN PERLANTIKAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL SEBAGAI CANSELOR PERTAMA KUKUM. SYUKUR ALHAMDULILLAH, ISTIADAT PEMASYHURAN TERSEBUT TELAH

BERLANGSUNG DENGAN GEMILANGNYA DI DEWAN WARISAN, KANGAR PADA PAGI TADI.

SELAIN DARI ITU PESTA PEMASYHURAN INI JUGA BERTINDAK SEBAGAI MEDIUM PERANTARA ATAU JAMBATAN PENGHUBUNG ANTARA WARGA KUKUM DENGAN MASYARAKAT LUAR. IA MEMBERI PELUANG KEPADA AWAM UNTUK MENGENALI KUKUM DENGAN LEBIH MENDALAM. MUNGKIN RAMAI YANG PERNAH MENDENGAR TENTANG KUKUM TETAPI TIDAK MENGETAHUI FUNGSI, PERANAN SERTA STRUKTUR UNIVERSITI INI DALAM ERTI KATA YANG SEBENARNYA.

KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA ATAU SINGKATANNYA KUKUM ADALAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) YANG KE -17. IA DITUBUHKAN BAGI TUJUAN UNTUK MELAHIRKAN GOLONGAN JURUTERA YANG BERKEMAHIRAN TINGGI BAGI MENYOKONG PELAN PERINDUSTRIAN NEGARA. SISTEM PENDIDIKAN DI KUKUM INI BERBEZA DARI UNIVERSITI YANG SEDIA ADA KERANA IA MEMBERI PENEKANAN KEPADA PENGAJARAN DALAM BENTUK PRAKTIKAL SEBANYAK 60% DAN 40% LAGI DALAM BENTUK TEORI.

SAYA PERCAYA DENGAN ADANYA PAMERAN DI TAPAK PESTA INI, ANDA SEMUA BOLEH MENYAPA ATAU BERTANYA KEPADA WARGA KERJA KUKUM YANG SEMEMANGNYA MESRA UNTUK MENGETAHUI SECARA TERPERINCI TENTANG KUKUM DAN PERANAN YANG DIMAINKANNYA SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI AWAM PALING BONGSU DI NEGARA INI YANG BAKAL MELAHIRKAN GOLONGAN JURUTERA MAHIR, KOMPETEN DAN BEKETERAMPILAN TIDAK LAMA LAGI.

SAYA BERHARAP MELALUI PESTA YANG DIANJURKAN INI DAPAT MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN SILATURRAHIM ANTARA KITA SEMUA.

HUBUNGAN DAN KEMESRAAN YANG SEJAK SEKIAN LAMA TERJALIN INI DIHARAPKAN AKAN BERTAMBAH MESRA, UTUH DAN KEKAL ABADI.

SELAIN BERTUJUAN UNTUK MEMPERKENAL DAN MEMPROMOSI KUKUM, PESTA PEMASYHURAN INI JUGA BERFUNGSI SEBAGAI PLATFORM KEPADA AGENDA KERAJAAN NEGERI DI DALAM KEMPEN TAHUN MELAWAT PERLIS YANG MASIH BERLANGSUNG SEHINGGA TAHUN 2005. PESTA PEMASYHURAN CANSELOR INI AKAN MERANCAKKAN LAGI KEMPEN TERSEBUT DENGAN PELBAGAI ACARA YANG TELAH DIRANCANG DAN DI ATUR DENGAN BEGITU TELITI.

ANTARA ACARA TERSEBUT IALAH SEPERTI PERTANDINGAN REKACIPTA DAN PAMERAN ROBOTIK ANJURAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAN MEKATRONIK KUKUM, PERTANDINGAN KUKUM X-RACE, PERTANDINGAN BAYI COMEL, PERTANDINGAN GUBAHAN, FUTSAL, KARAOKE, SKATEBOARD DAN SEBAGAINYA.

DI KESEMPATAN INI SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA RAKYAT NEGERI PERLIS YANG TELAH SUDI MENGAMBIL BAHAGIAN DAN SETERUSNYA MERANCAKKAN LAGI PESTA PEMASYHURAN INI. TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA PARA PEMENANG.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN PADA MALAM INI, SAYA SEKALI LAGI DENGAN RASA PENUH KEIKHLASAN INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA SELURUH RAKYAT NEGERI PERLIS YANG TELAH MEMBERI SOKONGAN YANG BEGITU PADU SEPANJANG PESTA PEMASYHURAN CANSELOR INI BERLANGSUNG. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH TERLIBAT SECARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG DALAM MENJAYAKAN PESTA INI. TAHNIAH JUGA DIUCAPKAN KEPADA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR DAN SELURUH AHLI

JAWATANKUASA PELAKSANA PESTA KERANA TELAH BERJAYA  
MENGANJURKAN PESTA YANG CUKUP MERIAH INI.

KALAU ADA SUMUR DILADANG  
BOLEH KAMI MENUMPANG MANDI  
KALAU ADA UMUR YANG PANJANG  
BOLEH KITA BERJUMPA LAGI

AMPUN TUANKU,

SEKIAN SAHAJA UCAPAN PATIK. AKHIR KATA PATIK MEWAKILI SELURUH  
WARGA KUKUM INGIN MERAFAK SEMBAH, MENJUNJUNG KASIH YANG  
TIDAK TERHINGGA KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED  
FAIZUDDIN PUTRA IBNI SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL, TUANKU  
CANSELOR DAN DULI YANG TERAMAT MULIA, TUANKU HAJAH LAILATUL  
SHAHREEN AKASHAH, RAJA PUAN MUDA PERLIS KERANA TELAH SUDI  
MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MAJLIS PENUTUPAN PESTA  
PEMASYHURAN BERSEMPENA DENGAN ISTIADAT PEMASYHURAN  
CANSELOR DAN MAJLIS KONVOKESYEN KOMEMORATIF KUKUM.

PATIK SUDAHI DENGAN WABILLAHIL TAUFIK WALHIDAYAH  
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHIT TAALA WABARAKATUH.